



" MUHASABAH DIRI SEBAGAI PEMIMPIN "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Bertaqwalah kepada Allah dan ingatlah bahawa Allah SWT tidak menjadikan manusia diatas muka bumi ini dengan sia-sia. Bahkan manusia diciptakan untuk melaksanakan amanah daripada Allah SWT sebagai khalifah. Manusialah satu-satunya makhluk yang menyatakan kesanggupan untuk menjalankan amanah ini.

Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah **"MUHASABAH DIRI SEBAGAI PEMIMPIN"**.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Ahzab ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ
فَأَبَيْنَ أَنْ تَحْمِلَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ
إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

"Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanah (tanggungjawab agama) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya. (Pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikul amanah itu. (Ingatlah) sesungguhnya (kebanyakan) manusia adalah suka melakukan kezaliman dan amat bodoh".



Kesemua manusia adalah pemimpin dan di akhirat kelak semua pemimpin ini akan ditanya, disoal, dibicarakan dalam melaksanakan amanah ini.

Hadis daripada Ibnu Umar R.A bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda;

أَلَا كُلكُمْ رَاعٍ وَكُلكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ
فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ
مَسْئُولٌ عَنْهُمْ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا
وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى
مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ أَلَا فَكُلكُمْ رَاعٍ
وَكُلكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ .

"Bahawa sesungguhnya setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipersoalkan tentang kepimpinan, pemerintah adalah pemimpin manusia dan dia akan dipersoalkan tentang kepimpinannya, seorang suami adalah pemimpin bagi keluarganya dan dia akan dipersoalkan tentang kepimpinannya, seorang isteri adalah pemimpin rumahtangga dan anak anaknya dan ia akan dipersoalkan tentang kepimpinannya, seorang hamba adalah pemimpin bagi harta tuannya dan



dia akan dipersoalkan tentang kepimpinannya Maka ingatlah sesungguhnya setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipersoalkan tentang kepimpinannya".

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Kita sebagai pemimpin hendaklah sedar bahawa kepimpinan adalah amanah daripada Allah SWT. Jika kita berjaya menunaikan amanah ini dengan penuh tanggungjawab dan adil terhadap orang bawahan kita, maka kita akan mendapat naungan Allah SWT di akhirat kelak . Sekiranya kita gagal menunaikan amanah ini, dengan tidak melaksanakan tanggungjawab dengan melakukan penyelewengan, kezaliman, penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, rasuah dan sebagainya, maka nescaya akan dibalas oleh Allah SWT dengan balasan yang dahsyat diakhirat kelak.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Maksud muhasabah itu adalah menilai perilaku yang lalu dan memperelokkan diri yang lahir dari jiwa seseorang yang tulus ikhlas berasaskan kehendak agama. Ia juga boleh diertikan sebagai proses mendidik diri agar sentiasa memelihara diri dari segala kejahatan yang pernah dilakukan atau menghalang diri dari melakukan kejahatan yang boleh menjadi pengalang untuk mendapat keredhaan dari Allah SWT.



Sabda Rasulullah S.A.W. bermaksud:

"Orang yang pintar ialah orang yang menghitung dirinya serta beramal untuk hari selepas kematiannya sementara orang yang lemah ialah orang yang mengikut hawa nafsunya serta berangan-angan terhadap Allah dengan angan-angan (yang banyak)".

(Riwayat al-Tarmizi dan Ibnu Majah)

Bermuhasabah adalah suatu perkara yang amat penting dan menjadi pemangkin dalam kehidupan seorang mukmin dan perlu disebatikan dalam jiwa sanubarinya kerana kita semua adalah sebagai pemimpin.

Bagi memastikan agar setiap insan bergelar pemimpin tidak terjerumus dalam kemurkaan Allah maka menjadi keperluan untuk sentiasa bermuhasabah dan menghitung diri tentang tujuan pelantikan dan matlamat kehidupannya. Sebelum bermuhasabah perlu untuk setiap kepimpinan mengetahui tanggungjawab sebagai seseorang pemimpin . antaranya ialah hendaklah:

Pertama : Memastikan ibadat solat menjadi keutamaan bagi dirinya dan seluruh pimpinannya.

Apabila bermuhasabah maka rukun utama ini perlu dititik beratkan. Tiada gunanya bermuhasabah seandainya perkara asas ini diabaikan. Sehubungan itu perlu untuk setiap pemimpin menjadikan solat sebagai keutamaan dan semoga matlamat dan tujuan dapat dicapai. Solat adalah doa yang menjadi penghubung secara langsung dengan Allah SWT yang menjadi tiang



kepada agama. Barang siapa yang mendirikan solat maka ia telah mendirikan agama dalam dirinya dan barang siapa yang meninggalkan solat sesungguhnya ia telah meruntuhkan agama dalam dirinya.

Kedua : Memastikan sumber pendapatan bersih daripada sebarang sumber yang diharamkan oleh Allah SWT.

Selain dari memahami pentingnya bermuhasabah maka kita tidak boleh mengabaikan perkara yang boleh menyebabkan doa kita di tolak oleh Allah SWT. Pendapatan yang diperolehi akan menjadi sumber makan minum dan akan menjadi darah daging samada untuk diri, keluarga juga seluruh tanggungannya.

Jika sumber pendapatan ini tidak diawasi amat besar kesan dan akibatnya. Justeru, apabila seseorang itu dilantik sebagai pemimpin, maka janganlah ia mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan duniawi dengan menafikan hak orang lain.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Perkara ketiga sebelum menjadikan muhasabah sebagai pemangkin dalam kehidupan iaitu menitikberatkan soal Amar Makruf dan Nahi Munkar, yakni mendidik diri dan pimpinannya supaya sentiasa mematuhi perintah Allah SWT dan meninggalkan larangannya. Keseimbangan antara melakukan perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang buruk adalah satu perkara yang sering diabaikan oleh manusia.

Apabila kita dilantik atau dipilih sebagai pemimpin, maka itu sebenarnya bukanlah satu berita gembira bagi kita. Kepimpinan bukan



satu kebanggaan, bukan satu kehebatan dan bukan pula satu perkara yang menyeronokkan, tetapi kepimpinan adalah amanah Allah SWT yang perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab. Kepimpinan bermakna kita menerima bebanan besar dan akan dibicarakan oleh Allah SWT di Padang Mahsyar kelak.

Setiap pemimpin hendaklah sedar tentang pentingnya bermuhasabah diri untuk menjadi pemimpin yang cemerlang di dunia dan cemerlang di akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita sentiasa jadikan muhasabah diri sebagai rutin harian kita untuk menjadi pemangkin kepada kemajuan diri dan terlepas daripada azab Allah SWT pada hari pembalasan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَوَضِعَ الْكِتَابُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ
وَيَقُولُونَ يَا وَيْلَتَنَا مَا لِ هَذَا الْكِتَابِ لَا يُغَادِرُ
صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا^ج وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا
حَاضِرًا^ق وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا



Dan "kitab-kitab amal" juga tetap akan dibentangkan, maka engkau akan melihat orang yang berdosa itu, merasa takut akan apa yang tersurat di dalamnya; dan mereka akan berkata, "Aduhai celakanya kami, mengapa kitab ini demikian keadaannya? Ia tidak meninggalkan yang kecil atau yang besar, melainkan semua dihitungnya!" Dan mereka dapati segala yang mereka kerjakan itu sedia (tertulis di dalamnya). (Ingatlah) Tuhanmu tidak menzalimi walau seorang pun".

(Al-Kahfi : 49)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ
بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى
وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ
الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ شَرَفِ



الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانِ
صَلَّاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ اَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس
شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ
وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ



وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ ۚ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۚ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.